

# PENYERAHAN CEK SUMBANGAN KHAS KOPERASI TENTERA



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4901-penyerahan-cek-sumbangan-khas-koperasi-tentera](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4901-penyerahan-cek-sumbangan-khas-koperasi-tentera)



SUBANG, 26 Apr 19 – Pegawai Laksana Pangkalan Udara Subang, Kol Mohd Azwan bin Mohd Pohari TUDM telah menyampaikan cek Sumbangan Khas dari Koperasi Tentera bertempat di Foyer Pejabat Komander Pangkalan.

Sumbangan yang diberikan kepada Sjn U Mohd Radzuan bin Muhammad, anggota dari Cawang Kejuruteraan bertujuan untuk membantu meringankan beban kewangan yang ditanggung anggota akibat kebakaran rumah ibu beliau di Kota Bharu, Kelantan pada 13 Mac 19 yang lalu. Penyerahan cek turut disaksikan oleh Ketua Cawang Kejuruteraan.